

06/01/2002

Perubahan minda orang Melayu isu utama 2002

Jamhariah Jaafar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi pada ucapan Tahun Baru 2002 mengingatkan orang Melayu mengenai akibat sikap tidak apa mereka. Mengapa kelihatan seolah-olah masih ramai orang Melayu tidak sedar akibat yang bakal diterima?

Ini disebabkan kemewahan yang terus dikecapi walaupun negara lain semakin sengsara dilanda krisis ekonomi. Ketika dunia dilanda krisis ekonomi pada 1997, krisis politik mengatasi tahap keseriusannya. Begitu juga selepas tragedi di Amerika Syarikat pada 11 September 2001, di kala seluruh dunia kelihatan tercungap-cungap, Malaysia dengan kebijaksanaan pemerintahannya berjaya melegakan perasaan bimbang rakyat.

Saya boleh katakan begini, jika dibandingkan masa dulu, kita sekarang terutama generasi baru tidak tahu apa erti kesusahan dalam erti kata sebenar sehingga mereka tiada langsung ada perasaan sayang dan setia terhadap tanah air.

Bagaimana pandangan Datuk, sekiranya kita membuat perbandingan sikap Melayu dulu dan sekarang?

Orang Melayu ketika penjajahan terdedah kepada pelajaran Inggeris dan itu telah membolehkan mereka menjadi golongan progresif. Mereka memberi banyak sumbangan dan boleh menyesuaikan diri dengan keperluan semasa. Bagaimanapun, kita terpisah kepada dua golongan besar, golongan terpelajar Inggeris dan golongan agama.

Golongan terpelajar yang boleh dikatakan terdiri daripada kumpulan aristokrat yang banyak terbabit dalam bidang pentadbiran, manakala golongan agama pula lebih sebagai alat kepada perjuangan kemerdekaan. Tapi akhirnya yang menjadi pentadbir dan membawa kemajuan Melayu adalah dari golongan terpelajar Inggeris. Walaupun kumpulan ini dianggap golongan agama sebagai orang kebaratan dan menubuhkan sebuah kerajaan berorientasikan Barat, tapi hakikatnya ialah pendedahan kepada pelajaran Inggeris itu telah membuka minda agar mereka menjadi berani dan mampu bergaul dengan sesiapa saja.

Bagaimanapun, selepas kita memperkenalkan sistem pelajaran kebangsaan kerana ingin memberi keutamaan kepada bahasa Melayu, dalam tidak sedar kita mewujudkan majoriti yang mempunyai semangat kemelayuan yang tinggi, mudah terpengaruh kepada emosi dan tidak mempunyai minda yang praktikal. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila krisis politik melanda negara pada 1999, kaum bukan Melayu melihat Dr Mahathir sebagai seorang penyelamat yang mampu untuk membawa Malaysia keluar daripada krisis yang kita alami, tetapi tidak orang Melayu. Mengapa orang Cina begitu dan mengapa orang Melayu kita sendiri bersikap sebaliknya?

Ini disebabkan orang Melayu berasa selamat dan begitu yakin bahawa nilai-nilai yang ada dan wujud selama ini tidak akan berubah. Mereka ingat sudah cukup kuat dengan sekadar menjadi jaguh dalam bahasa Melayu dan persaingan dalam pendidikan hanya sesama kaum sendiri. Sedangkan bangsa asing terutama Cina sejak dari awal lagi sedar dia harus bersaing.

Bagaimanapun, keutamaan kepada bangsa Melayu memang menjadi dasar kerajaan. Contohnya, bila bangsa kita sukar mendapat tempat di universiti suatu masa dulu, kita menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kita tekankan nilai dan sentimen Melayu. Kita mengambil pensyarah yang kebanyakannya berpendidikan Inggeris.

Dan yang menyedihkan ramai daripada mereka tidak bercakap jujur apabila cuba meyakinkan pelajar bahawa pendidikan dalam bahasa Melayu adalah

mencukupi untuk kehidupan sebenar di masa hadapan... sedangkan hakikatnya tidak begitu.

Saya ingin menjadikan kes saya sebagai contoh, dulu saya belajar di sekolah Arab, dan teman seangkatan seperti (Tan Sri) Awang Had Salleh, Dr Halim Ismail (Pengerusi Bank Islam), Cikgu Noor Azam dan Sanusi Ahmad (PRM) yang ketika itu di Kedah adalah golongan terpelajar Melayu tetapi orang seperti saya yang keluaran sekolah Arab, berasa terhina apabila dibandingkan dengan mereka yang lulusan sekolah Inggeris. Orang yang dihormati masyarakat ketika itu ialah pelajar aliran Inggeris.

Saya pernah menyertai pertandingan sukan di sebuah sekolah Inggeris, dan berasa sungguh malu apabila mereka menjerit 'lari pak lebai, lari pak lebai'. Apalah yang boleh dilakukan oleh pelajar lulusan sekolah Arab ketika itu... hanya sekadar memandikan jenazah, tahlil dan akhirnya jadi ustaz.

Kerana sedar bahawa jika kekal dengan cara itu kami tidak akan sampai ke mana-mana, saya dan kawan-kawan mula bekerja keras untuk belajar bahasa Inggeris dan mengambil peperiksaan. Awang Had Salleh mengambil peperiksaan Cambridge... ia membuka ruang keterbukaan untuk bersaing.

Keinginan untuk belajar bahasa Inggeris ini tidak menjadikan mereka orang putih tapi ia melahirkan orang Melayu yang memiliki semangat nasionalis yang lebih kuat. Mereka lebih bijak untuk menilai ilmu, meningkatkan kualiti pendidikan, di samping mendapat tempat lebih baik di mata masyarakat.

Cuba anda bercakap dengan Prof Ismail Hussein sekarang dan bandingkan dengan mana-mana pelajar keluaran UKM yang lain... cara percakapannya amat berlainan, lebih mendalam dan bernas.

Secara ringkas bila tertubuh UKM, ia mula melahirkan graduan Melayu dan anak Melayu berasa mereka sudah kuat. Kemasukan ke UKM yang majoritinya anak Melayu, dengan 'dimudahkan' kelayakannya. Jadi, kita boleh melihat kualiti keluaran institusi ini. Nilai-nilai yang dihormati di kampung seperti pak lebai, pak haji dibawa ke UKM.

Pada satu masa, ketika saya menjadi kolumnis di Utusan Melayu, saya pernah menggelarnya sebagai 'universiti kampung Melayu'. Ia gagal melahirkan anak-anak Melayu yang berani ke depan, yang boleh bercampur gaul dengan minda terbuka, dapat bercampur gaul... begitu jauh sekali daripada pelajar aliran Inggeris yang lebih cemerlang. Hasilnya, muncullah anak-anak Melayu berpendidikan tinggi tetapi tidak mampu menguasai bahasa Inggeris.

Saya pernah didatangi pelajar-pelajar ini yang ingin menjadi wartawan tetapi terpaksa ditolak kerana tidak boleh berbahasa Inggeris. Ada pelajar menangis dan berkata ia bukan salah dirinya, sebaliknya salahkan sistem pendidikan.

Ini adalah antara masalah yang berlaku sekarang, ada kena mengena dengan sikap orang Melayu dan mengapa kita berasa tidak perlu bersaing. Mereka yakin akan terus mendapat tempat kerana kerajaan yang ada adalah kerajaan Melayu. Dia akan dapat kerja walau apa jua kelayakannya... sikap dan nilai anak Melayu sejak 1970-an ini tidak pernah berubah.

Adakah ini bermakna sistem pendidikan kita perlu dipulihkan?

Pada pendapat saya, sistem pendidikan sekarang tidak membawa kepada keterbukaan minda kerana ia lebih cenderung kepada pentafsiran nilai-nilai Melayu yang berasaskan agama. Ini membawa kepada penutupan minda. Dulu di universiti ada pelbagai kurikulum, aktiviti sukan, boleh menari, boleh menyanyi... perkara ini penting untuk menyediakan anak-anak kita dengan kehidupan sebenar di luar nanti. Ia seperti tadika di bandar yang dikendalikan oleh Melayu dan bukan Melayu... anak-anak Melayu tidak dibuka minda mereka sebaliknya mereka berasa malu, takut pada orang dan tidak ceria.

Tetapi apa pandangan Datuk terhadap sistem pendidikan sekarang. Dulu anak Melayu terpaksa berjuang mendapat pendidikan sempurna dan ia turut mencetus semangat nasionalis yang tinggi. Tetapi era 70-an terutama selepas tragedi 13 Mei, 1969, nilai pendidikan anak Melayu mula berubah ia lebih tertumpu untuk survival diri sendiri, bukannya untuk membangunkan negara.

Pada pendapat saya, anak Melayu sekarang berasa terjamin kerana kerajaan menyediakan semua kemudahan. Dasar pelajaran kebangsaan berjaya mewujudkan perimbangan dalam komposisi siswa di institusi pengajian tinggi kita, dalam usaha kita untuk mengeluarkan anak-anak Melayu berpendidikan tinggi.

Tetapi pada masa yang sama, dasar itu gagal melahirkan generasi Melayu yang mempunyai kualiti universal, baik dalam pemikiran mahupun penilaian hidup. Kita tidak dapat mengubah mereka untuk menjadi orang yang realis.

Ini adalah kerana tekanan tidak diberikan dari segi psikologi dan pendidikan agama untuk mengubah nilai-nilai kemelayuan dan keagamaan yang negatif. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu terus dengan 'withdrawal attitude' (sikap mengasingkan diri).

Maka itu kita melihat suatu kebangkitan generasi Melayu yang percaya kepada kekuatan yang palsu dan ingin kembali kepada nilai-nilai pondok yang mencerminkan orthodoxi dan kejumudan, walaupun dalam keadaan memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan globalisasi untuk survival Melayu dalam dunia yang penuh cabaran.

Malangnya, perhatian telah tidak diberikan untuk mengubah unsur-unsur pendidikan agama yang lebih condong untuk memberikan penekanan kepada melihat Barat sebagai musuh atau penolakan nilai Barat secara membuta tuli sekalipun ada alasan kita harus menerima nilai Barat yang baik. Tapi golongan yang jumud ini tidak dapat melihat nilai-nilai baik itu.

Kita juga pandai menjeritkan Islam sebagai bersih dan kuat, tapi toilet (tandas) sendiri kotor. Kita melahirkan golongan yang mengasingkan diri dari semua yang bersifat universal seperti kesukanan, kebudayaan dan kegiatan sosial dengan kepercayaan bahawa sekiranya kita berkumpul sesama sendiri orang Melayu akan lebih kuat. Tapi ini adalah satu kekuatan yang palsu jika kita tidak mendokong nilai-nilai yang membolehkan kita berinteraksi dalam masyarakat kita yang pelbagai kaum dan universal.

Sebenarnya, jika ingin dilihat sebagai moden Islam kita sepatutnya mengambil bahagian dalam pembangunan globalisasi bagi memastikan agama kita terus kukuh dan agung, namun pada alaf baru ini muncul pula golongan Melayu yang ingin kembali ke zaman pondok.

Secara tidak langsung, semua suasana ini mengheret kita kembali kepada soal dan dasar pendidikan yang gagal membuka minda pelajar Melayu walaupun diberi peluang kepada mereka untuk berbuat demikian.

Jika kita ingin menyentuh mengenai kedudukan politik, tidak payah melihat Umno kita tengok kepada kedudukan Pas itu sendiri. Ternyata selepas diberi mandat untuk berkuasa di dua negeri, ia tidak lagi mampu untuk hanya bersandar kepada teori sebaliknya terpaksa membuat pelbagai penyesuaian.

Bila mula memerintah Kelantan dan kemudian Terengganu, mereka sedar segala impian yang menjadi teori mereka selama ini tidak boleh dipraktikkan begitu saja. Mereka tidak mampu melaksanakan sistem hudud di Kelantan, kharaj di Terengganu, malahan hubungan dengan DAP yang suatu masa dulu dilihat sebagai mustahil akhir diakui terpaksa dijalinkan. Mereka terpaksa membuat penyesuaian. Begitu juga dengan sistem pendidikan, pensyarah dan guru jika tidak didedahkan dengan kebenaran, maka mereka hanya akan bersandar kepada teori hingga ke tua.

Bagaimana kita hendak dedahkan semua ini terutama kepada masyarakat Melayu yang lebih suka mendengar cerita, khabar angin... amat sedikit yang membuat penilaian dan analisis terperinci mengenai sebab dan akibat

sesuatu isu atau kejadian?

Kita perlu terus mendesak mereka untuk mengimbangi situasi. Teori perimbangan ini hanya menjadi amalan segelintir golongan, termasuk wartawan. Seperti saya yang tertinggal dari segi pelajaran bahasa Inggeris, tapi bila ke London saya paksa diri untuk bergaul dengan orang putih.

Dia memang minum arak, tapi tidak semestinya dia buruk. Ini bergantung pada pendidikan. Pada saya, kita mempunyai mempunyai situasi begitu banyak untuk mengembangkan fikiran kerana rakyat kita yang terdiri daripada pelbagai kaum. Tapi dalam beberapa hal berlaku satu bentuk pemisahan atau pengasingan yang kita tidak sedar menghalang perkembangan minda itu.

Justeru, bagi saya antara cara untuk mendedahkan semula masyarakat negara ini ia perlu bermula dari bawah iaitu menyusun semula sistem pendidikan kita. Kerajaan harus bertegas dalam menghapuskan pengasingan yang berlaku. Kita harus memikirkan kehendak dan keperluan sekarang. Mungkin kita boleh kembali kepada sistem 'sekolah wawasan' kerana matlamatnya memang untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang lebih terbuka.

Keakraban yang wujud pada generasi lama disebabkan sekolah yang membabitkan pelbagai kaum. Jadi kita mesti kembali kepada suasana itu, demi masa depan generasi akan datang.

Mereka mesti terima idea seperti sekolah wawasan ini kerana interaksi dan hubungan sesama warga perlu terjalin sejak zaman persekolahan lagi. Hanya dengan cara ini kita akan melahirkan generasi yang lebih terbuka mindanya, lebih rasional dan tidak terlalu emosi.

Adakah kita perlu merombak keseluruhan sistem pendidikan untuk melahirkan satu masyarakat yang lebih terbuka, progresif dan mempunyai nilai?

Masalah itu sebenarnya tidak timbul. Sekolah kebangsaan sebenarnya boleh memberi jaminan ekonomi. Persoalan utama sekarang ialah bagaimana kita boleh memiliki satu masyarakat yang lebih terbuka, progresif dan mempunyai nilai-nilai universal.

Begitu juga untuk atasi masalah ekstremisme. Sejak kebelakangan ini nilai-nilai ekstremisme dan chauvisnime, yang hanya ada pada awal-awal kemerdekaan kini muncul kembali. Kenapa ini boleh berlaku sekarang? Sudah pasti akan ada orang berkata ini adalah zaman kebangkitan Islam, tapi apakah kebangkitan ini harus menjurus ke arah 'isolation' (pengasingan).

Lihat apa yang berlaku pada negara-negara Islam yang berjuang untuk ideologi Islam semata-mata, akhirnya menjurus kepada pengasingan dunia sebenar. Ini berlaku kepada Iran, tetapi akhirnya kerajaan Islam itu sedar terhadap mustahilnya untuk menolak globalisasi.

Perhatikan apa yang berlaku selepas kejadian 9/11, Islam kini semakin tertekan. Bukan saja Afghanistan menjadi mangsa, bahkan Israel turut mengambil tindakan sewenang-wenang ke atas Palestin dan India mengambil kesempatan ke atas Pakistan.

Kita sedar akan kedudukan itu, tetapi apa pandangan Datuk terhadap pendirian kerajaan terutama dalam menentang keganasan yang diputarbelitkan pembangkang?

Benar, malahan (Datuk Seri) Hadi Awang pun berkata begitu (kononnya Malaysia menyokong tindakan menentang keganasan untuk mengambil hati AS) tapi orang begitu senang lupa sejarah.

Hakikatnya Dr Mahathir sejak dari awal lagi memang lantang menentang keganasan dan pengaruh Barat. Bila Tunku (Abdul Rahman) nak kekalkan tentera British di Malaysia, dia adalah antara yang kuat menentang. Dalam pemerintahan sekarang, sejak awal lagi dia tidak mahu penjajahan pemikiran berterusan. Kerana itu dia memperkenalkan kempen 'Buy British Last' dan menggantikannya dengan polisi Pandang ke Timur, mengambil alih Carcosa

(Seri Negara) kerana dia tidak mahu British terus menduduki bukit tertinggi di Kuala Lumpur.

Kemudian, dia `dawn raid di London', kita tidak biarkan IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) untuk serang negara kita, kita buat capital dan currency control (kawalan modal dan mata wang)... semua ini bertentangan dengan kehendak Barat, baik British mahupun AS.

Rakyat turut menyaksikan pelbagai kejadian yang tidak sepatutnya berlaku, termasuk ada parti Islam pembangkang menerima sokongan langsung dari AS. Demikian juga dengan parti pembangkang yang lain, begitu gembira apabila Al Gore (bekas Naib Presiden AS) datang dan mencerca pemimpin negara ini. Semua ini membuktikan Dr Mahathir sejak dari awal tidak takut menyuarakan pandangan.

Sejak memasuki politik dua tahun lalu, secara peribadi bagaimana Datuk melihat kedudukan Melayu yang masih ramai terus mengkritik kepemimpinan Dr Mahathir.

Ketika kita menghadapi krisis politik terutama pada pilihan raya umum 1999, berlaku sedikit kesilapan terutama dalam pengurusan media kerana kerajaan terlalu yakin orang akan percaya kepada sesuatu yang di luar pemikiran mereka dan usaha menyakinkan rakyat dalam isu ini dilakukan dengan cara kurang profesional.

Apabila pilihan raya pada 1999, pengurusan informasi dilihat dilakukan secara gopoh gapah dan apabila dalam krisis, orang cepat percaya apa juga yang disogokkan. Dalam keadaan kita tidak pasti, ada anasir yang memasukkkkan virus dalam semua aspek menjadikan keadaan tidak tenang dan memang sukar untuk meyakinkan rakyat terhadap hakikat sebenarnya.

Tapi ternyata akhirnya, semua tuduhan termasuk kejadian di Sauk yang hebat dikatakan sebagai sandiwara, kedudukan Putrajaya dan sebagainya sebenarnya adalah pembbohongan golongan pembangkang. Syukur kerana akhirnya, rakyat semakin jelas hakikat sebenar.

(END)